

Atlet memamah sapu Anugerah Kecemerlangan Sukan UniSZA

KOSMO

17/12/2016

Oleh KASANABILAH
KAMARUL ZAMAN

SUKAN memamah men-guasai Anugerah Kecemerlangan Sukan Universiti

Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 2016 malam kelmarin selepas merangkul tiga anugerah utama iaitu olahragawan, olahragawati dan olahragawati harapan.

Pasukan memamah recurve pula dipilih sebagai pasukan terbaik wanita atas kejayaan meraih satu emas dalam beberapa kejohanan seperti Kejohanan Memanah Kebangsaan Sirkit 1 2015, Kejohanan Memanah Kebangsaan Sirkit 2 dan Terbuka PKS UniSZA 2015, Kejohanan Memanah Piala Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2015 dan Kejohanan Memanah Masum 2016.

Muhammad Shaiffuddin

Mohd. Kamro dinobatkan sebagai Olahragawan manakala Azuanis Abdullah pula dipilih sebagai penerima anugerah Olahragawati.

Sementara itu, Nur Aina Yasmine Halim dianugerahkan sebagai Olahragawati Harapan dan pemain bola sepak, Muhammad Naim Mohd. Nasir menerima anugerah Olahragawan Harapan.

Muhammad Shaiffuddin berkata, dia terlibat dalam beberapa kejohanan memamah peringkat domestik dan antarabangsa termasuk Universiade 2015 dan Kejohanan Universiti Dunia 2016 selain menyumbang satu pingat emas, perak dan gangsa pada Kejohanan Memanah Masum 2016.

"Ini merupakan penghargaan besar buat saya kerana dapat mengharumkan nama universiti. Harapan saya sudah tentu

mahu bertanding hingga ke peringkat Sukan Olimpik," jelas pelajar jurusan rekaan grafik itu ketika ditemui di Dewan Perdana Unisza, Kuala Nerus, Terengganu.

Sementara itu, Azuanis Abdullah yang pernah memenangi anugerah Olahragawati Harapan 2012 berkata, dia mula mencubakan diri dalam sukan memamah sejak berada di tingkatan satu dan pernah mewakili negeri Kelantan dalam acara tersebut.

"Jika ada rezeki, saya tidak menolak peluang untuk mewakili negara," ujarnya.

Pada majlis tersebut, pasukan terbaik lelaki dianugerahkan kepada pasukan bola sepak yang berjaya muncul juara Liga Bola Sepak IPT 2015 Divisyen 1 selain menjuarai Liga Masum 2015, naib juara Piala Sumbangsih 2016, juara Piala Menteri Pendidikan Tinggi dan tempat ketiga Liga IPT 2016.



EMPAT atlet terbaik UniSZA (dari kiri) Muhammad Naimi, Azuanis, Muhammad Shaiffuddin dan Nur Aina Yasmine bergambar kenangan selepas majlis Anugerah Kecemerlangan Sukan UniSZA di Gong Badak, Terengganu baru-baru ini.